

20/06/1998

Pelihara perjuangan parti

UCAPAN dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno semalam menggariskan prasyarat penting mengenai masa depan Umno - hidup atau matinya sebuah pertubuhan. Umno, parti yang memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu/Bumiputera, akan terus menjulang kejayaan jika setiap pendokongnya terus meluncurkan kepentingan parti pada landasan yang betul manakala ia akan musnah seandainya dayung tidak boleh lagi dijadikan kemudi. Ini adalah tugas berat yang terpaksa didepani kerana Umno tidak dapat lari daripada kesan globalisasi, liberalisasi dan deregularisasi yang membawa bersama bahang yang mampu mengubah sistem pemerintahan dan sesebuah organisasi seperti Umno walau sekukuh mana sekali pun akar umbinya. Jika sebuah empayar boleh diruntuhkan, inikan pula sebuah negara yang agak baru. Inilah mungkin menjadi kebimbangan Presiden Umno itu setelah melihat arus yang diterajui oleh kuasa luar cuba menggugat ketahanan negara, seterusnya mengheret Umno ke kancah kemusnahan. Gelombang yang bertiup kencang yang mulanya bermatlamat untuk mencari keuntungan wang dan seterusnya menjajah, dilihatnya sebagai gugatan yang tidak bersempadan. Ia menyelinap ke dalam sistem ekonomi dan politik di sesebuah negara, malah melekat di pemikiran rakyat hingga tercetusnya gelombang reformasi sebagaimana yang dapat disaksikan di sekeliling kita. Dr Mahathir sedar serangan kencang ini.

Di Malaysia, beliau melihat satu demi satu percubaan dilakukan sehingga menimbulkan pelbagai prasangka terhadap kemampuan kerajaan untuk menangani kegawatan ekonomi. Paling menggugat ialah dakwaan mengenai berlakunya amalan nepotisme ekonomi dan kronisme yang terpaksa ditepisnya. Disebabkan ia datangnya dari kalangan Umno sendiri, maka sudah ada bibit-bibit reformasi dalam parti. Atas dasar inilah, Dr Mahathir terpaksa menjelaskan secara terperinci ancaman yang akan dihadapi dalam ucapan dasar bertemakan 'cabaran kegawatan' itu.

Rentak percaturan kuasa luar ini dilihat bermula apabila satu demi satu negara di Asia Timur dilanda kegawatan ekonomi. Malaysia, walaupun sebelum Julai tahun lalu, dianggap satu kuasa baru ekonomi, tidak dapat menahan serangan yang begitu hebat itu dan bertalu-talu itu hingga menyebabkan nilai mata wang dan pasaran sahamnya tersungkur rebah. Sama ada tepisan Dr Mahathir berhubung dakyah kuasa asing yang menggunakan kuasa pasaran untuk memporakperandakan kekukuhan ekonomi dan politik negara ini, boleh diterima oleh orang luar, kita anggap tidak penting. Yang penting, Umno dalam apa keadaan sekali pun mestilah padu. Kita tidak rela melihat Umno menjadi 'tempang' dengan arus perjuangannya. Benteng yang boleh menafikan keadaan ini daripada menjadi kenyataan bergantung kepada ciri-ciri yang dinyatakan oleh Dr Mahathir iaitu ketahanan budaya, sikap pendokong parti dan sifat berjaga-jaga apabila sesuatu yang baru diperkenalkan. Kata-kata ini kita anggap sebagai satu amanat seorang presiden yang tidak mahu melihat Umno yang dibina sejak 1946, gagal berfungsi sebagaimana diharapkan oleh bangsa Melayu dan seluruh rakyat. Sememangnya menyedihkan jika Umno yang terbukti berjaya mencorak dan menjana rakyatnya ke satu tahap kecemerlangan, kecundang jika tidak dapat menyambung perjuangan suci. Kata kunci Presiden ialah 'Peliharalah Umno'.

Pada kita maksud 'memelihara Umno' bukan saja menjurus kepada matlamat untuk mempertahankan kuasa yang ada padanya, malah ia perlulah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ini bermakna, kepercayaan dan keyakinan kepada Umno perlulah tidak ada sempadan waktu.

Kita akui prasyarat yang diberikan oleh Dr Mahathir itu relevan dalam semua keadaan dan masa. Kita bersyukur kerana sehingga ini Umno terus kukuh. Antara faktor yang menyebabkan ia masih dapat bertahan ialah disebabkan ciri-ciri budaya dan sikap pemimpin dan pendokong yang setia kepada parti.

Kita percaya Dr Mahathir terpaksa mengingatkan perkara itu kerana sudah ada kebimbangan terhadap kemungkinan berlaku kegelinciran ciri-ciri mulia itu, kesan perubahan corak pemikiran dan kemajuan dunia hari ini. Ini ditambah dengan percubaan kuasa asing untuk menjajah semula negara ini dengan pelbagai cara yang paling halus. Namun, berasaskan kepada kesinambungan perjuangan dalam Umno, kita percaya amanat Presiden itu tetap dihayati. Walau apapun bala yang akan menimpa negara ini, kepemimpinan Umno hari ini dan akan datang akan menjadikan kata hikmat itu sebagai pedoman dalam menerajui parti dan negara. Adalah menjadi harapan rakyat bahawa Umno terus menjulang kejayaan sebagaimana sifatnya sebagai parti yang diterima sebagai tunggak perpaduan rakyat. Tanpa Umno, kestabilan yang kita nikmati, mungkin terhakis.

(END)